BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Perutusan Gabenor

Kestabilan kewangan merupakan prasyarat kepada perkembangan ekonomi yang mampan, terutama bagi ekonomi yang sangat terbuka seperti Malaysia. Volatiliti pasaran kewangan dan aliran modal boleh mencetuskan herotan yang besar terhadap aktiviti perdagangan dan pelaburan. Namun, usaha-usaha untuk memelihara kestabilan kewangan dalam negeri kini menjadi lebih mencabar disebabkan oleh kesalinghubungan yang tinggi antara pasaran kewangan dalam negeri dengan sistem kewangan antarabangsa. Perkembangan luaran yang merangkumi pelbagai peristiwa geopolitik, ketidakpastian berhubung dengan dasar di negara-negara ekonomi utama dan turun naik harga komoditi dunia, akan terus mempengaruhi dan memberikan impak yang besar terhadap sistem kewangan kita. Justeru, Bank akan mengambil sikap berwaspada terhadap perkembangan global selain gigih berusaha bagi memastikan sistem kewangan dalam negeri terus berdaya tahan dalam menghadapi perubahan keadaan pasaran global.

Pada tahun 2017, kestabilan kewangan dalam negeri kekal terpelihara dalam persekitaran turun naik pasaran kewangan yang semakin reda dan prestasi ekonomi dalam negeri yang lebih kukuh. Pasaran kewangan terus berjalan lancar dan teratur, manakala penunjuk tekanan pasaran kewangan telah menurun. Beberapa langkah yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC) kini membuahkan hasil seperti yang dilihat dalam permintaan dan penawaran ringgit yang lebih seimbang, mudah tunai yang bertambah baik dan kegiatan spekulasi dalam pasaran pertukaran asing yang terkawal. Usaha untuk memperdalam dan memperkukuh daya tahan pasaran kewangan dalam negeri akan diteruskan.

Sektor kewangan kekal teguh dengan prestasi institusi kewangan yang mantap dan mempunyai kemampuan yang utuh untuk berhadapan dengan potensi kejutan di bawah senario tekanan yang teruk. Yang penting, perkembangan ini akan terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan. Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam menangani kebimbangan mengenai tahap hutang isi rumah. Hutang isi rumah kini berkembang pada kadar yang paling perlahan sejak tahun 2010 dan kedudukan kewangan isi rumah pada keseluruhannya terus bertambah baik. Namun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan pemerhatian yang berterusan dan pengurusan risiko yang berhemat oleh institusi kewangan. Keutamaan pengawasan dan penyeliaan Bank akan terus tertumpu pada risiko ‘bidang pergolakan’ utama,

termasuklah punca ketidakseimbangan dalam pasaran harta tanah. Kaedah penilaian yang lebih canggih dan futuristik juga sedang giat dibangunkan untuk mengukuhkan lagi keupayaan pengawasan Bank.

Memandangkan sistem kewangan kini semakin sofistikated seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat, rangka kerja pengawalseliaan perlu terus progresif dan relevan, dengan dikemudikan oleh keseimbangan yang sesuai antara kestabilan dengan kemajuan. Berdasarkan landskap operasi yang senantiasa berubah, Bank telah mewujudkan rejim penilaian semula setiap lima tahun untuk memastikan dasar Bank terus relevan, wajar dan sesuai serta selaras dengan objektif kestabilan dan agenda rangkuman kewangan. Keutamaan pengawalseliaan bukan sahaja akan memberi tumpuan pada pengurusan risiko dan cabaran yang dihadapi pada hari ini, tetapi juga perlu memastikan sektor kewangan cukup bersedia untuk menghadapi masa hadapan.

Bank akan terus menggalakkan sistem berasaskan pasaran untuk memacu kecekapan, inovasi dan persaingan dalam sektor kewangan. Menerusi *Sandbox* Pengawalseliaan, Bank mempermudahkan pengenalan produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih berinovatif kepada pasaran. Sementara itu, liberalisasi insurans/takaful motor dan kebakaran juga telah melangkah ke fasa baharu pada tahun 2017. Pengenalan pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation, VBI) dalam perbankan Islam merupakan satu lagi inisiatif utama yang diterajui oleh industri untuk meningkatkan impak kewangan Islam kepada seluruh ekonomi dan masyarakat. Dalam sistem pembayaran, kemasukan dan penawaran penyelesaian pembayaran baharu menawarkan pilihan yang lebih baik kepada pengguna dan peniaga. Hal ini disokong seterusnya dengan memastikan fungsi saling boleh kendali antara sistem yang berbeza berjalan lancar. Ini sekali gus menggalakkan persaingan dalam pasaran pembayaran runcit dan mempercepat kemajuan Malaysia ke arah masyarakat yang tidak lagi menggunakan wang tunai.

Kemunculan mata wang digital dan ancaman siber memerlukan pengawasan yang lebih terperinci sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih menyeluruh untuk mempertahankan aspek integriti dalam sistem kewangan. Bank sedang berusaha memantau sektor tidak rasmi untuk meningkatkan perlindungan kepada pengguna dan mendedahkan aktiviti jenayah. Peningkatan pesat skim haram, penipuan dan penyampaian maklumat yang salah merupakan beberapa contoh jelas risiko yang dihadapi oleh pengguna kewangan. Dalam hal ini, Bank bekerjasama erat dengan agensi kerajaan yang lain dalam mempergiat tindakan penguatkuasaan. Lebih penting daripada itu, usaha terus diperhebat untuk melengkapkan dan memperkasakan orang ramai dengan maklumat dan ilmu pengetahuan bagi membolehkan mereka membuat keputusan kewangan dengan bijak. Pada tahun 2017, eCCRIS dilancarkan untuk memudahkan rakyat Malaysia mengakses maklumat kredit peribadi mereka dengan selamat dan mudah.

Bank sangat menitikberatkan aspek penerapan ilmu pengetahuan bagi memastikan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat terus meningkat serta mempunyai keupayaan dan keyakinan untuk membuat keputusan kewangan yang tepat. Ini merupakan syarat penting untuk memastikan sistem kewangan dan ekonomi mencapai daya tahan dan inklusif, terutama sekali dengan kemunculan produk kewangan yang semakin inovatif dan canggih. Siri Karnival Kewangan yang dianjurkan secara bersama oleh Bank dan industri kewangan telah menarik minat ribuan rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat. Inisiatif jangkauan dan literasi kewangan seperti ini akan terus dipergiat di bawah pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan yang telah dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan. Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan akan menyediakan pendekatan yang menyeluruh dan terselaras untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini melibatkan rakan usaha sama yang penting dalam industri, pihak berkuasa pengawalseliaan dan agensi kerajaan.

Sektor kewangan memainkan peranan yang penting dalam menyokong transformasi negara ke arah ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan sumbangan dan kualiti pertumbuhan sektor kewangan. Rangkuman kewangan perlu melangkaui akses dan meliputi penyelesaian berinovatif untuk memenuhi keperluan kewangan PKS dan bidang-bidang pertumbuhan baharu. Sektor kewangan juga semakin digalakkan supaya lebih bersedia untuk menawarkan penyelesaian kepada isu-isu penting yang dihadapi oleh orang ramai. Rumah mampu milik merupakan satu contoh inisiatif yang menunjukkan bahawa inovasi yang lebih baik dalam produk kewangan boleh dimanfaatkan untuk membantu lebih banyak pembeli rumah yang layak. Dalam konteks ini, teknologi juga menawarkan potensi yang besar, terutamanya untuk menambah baik cara penyampaian dan jangkauan produk kewangan serta menangani kekurangan maklumat. Menyedari akan cabaran yang dihadapi oleh isi rumah yang berpendapatan rendah, Perlindungan Tenang telah dilancarkan. Produk perlindungan ini bertujuan untuk menyediakan akses kepada perlindungan insurans dan takaful asas kepada lapan juta orang rakyat Malaysia pada umur bekerja yang pada masa ini masih belum memiliki insurans. Institusi kewangan pembangunan (IKP) juga digiatkan lagi supaya berada pada kedudukan yang lebih baik untuk melaksanakan mandat pembangunan mereka dengan lebih berkesan. Ini termasuk pengenalan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan baharu yang mengiktiraf peranan IKP yang unik.

Sektor kewangan kini berada pada fasa pembangunan yang sangat memberangsangkan. Peningkatan penggunaan teknologi yang sofistikated, persaingan daripada peserta bukan tradisional dan pembaharuan pengawalseliaan akan mengubah susun atur tenaga kerja industri. Peranan baharu akan diwujudkan dan kemahiran baharu pula diperlukan. Justeru, industri harus menyediakan tenaga kerja bagi menampung perubahan ini, termasuklah melatih semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja, dan membantu mereka yang akan dipindahkan atau digantikan. Pada akhirnya, sektor kewangan harus terus mewujudkan dan memberikan khidmat berkualiti tinggi, lebih produktif dan pekerja berpendapatan tinggi.

Kualiti dan integriti warga kerja industri merupakan asas kepada sektor kewangan yang mampan. Kita kini menghampiri ulang tahun ke-10 Krisis Kewangan Global, iaitu peringatan yang menginsafkan betapa kehancuran boleh berlaku apabila kepercayaan dikhianati. Oleh sebab sistem kewangan dibina berlandaskan kepercayaan, Bank akan meneruskan usaha yang tidak mengenal jemu dan penat lelah demi mencapai standard integriti dan profesionalisme yang tinggi pada semua peringkat industri. Pada tahun 2017, tumpuan untuk meningkatkan kedudukan profesional dan keupayaan pekerja perbankan diperkukuh menerusi pensijilan khusus dan akreditasi profesional. Hakikatnya banyak lagi yang perlu dilakukan. Saringan wajib ketika pengambilan pekerja baharu yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2018 bertujuan memastikan individu yang menyertai institusi kewangan, terutamanya bagi jawatan kanan, menunjukkan standard etika dan tingkah laku profesional yang tinggi. Selain itu, menerusi inisiatif Pemetaan Tanggungjawab, Bank akan memberikan akauntabiliti yang lebih tinggi bagi jawatan kanan dalam institusi kewangan. Di samping itu, mulai tahun 2017, tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank bagi ketidakpatuhan oleh institusi kewangan akan dinyatakan secara telus kepada orang ramai.

Cara-cara baharu akan terus diterapkan untuk memudahkan orang ramai mengakses maklumat mengenai isu kestabilan kewangan. Ini bertujuan memberikan penerangan yang lebih baik kepada orang ramai dan membangkitkan kesedaran mereka terhadap isu kestabilan kewangan dan dasar yang diambil untuk menanganinya. Laman sesawang 'Housing Watch', penerbitan penyelidikan mengenai ketidakseimbangan harta tanah, data mengenai perubahan dalam tenaga kerja sektor kewangan dan penyiaran secara berkala mengenai perkembangan premium insurans motor, merupakan antara usaha penting yang telah dijalankan. Selain itu, bagi memastikan aktiviti ekonomi dan kewangan terus bergerak dengan lancar dan dinamik, pengemaskinian maklumat yang tepat pada masanya amatlah diperlukan.

Oleh itu, mulai tahun 2018, Bank akan mengeluarkan Pernyataan Kestabilan Kewangan selepas mesyuarat Jawatankuasa Kestabilan Kewangan. Laporan Kestabilan Kewangan juga akan diterbitkan dua kali setahun.

Seiring dengan matlamat untuk mewujudkan sektor kewangan yang teguh, berdaya tahan dan inklusif yang dapat menyumbang secara berkesan kepada kemampanan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia merupakan usaha yang bersifat kolektif. Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan terus bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan yang lain pada tahun-tahun yang akan datang untuk mengubah komitmen menjadi tindakan dan rancangan menjadi kenyataan.



Gabenor Muhammad bin Ibrahim, *FCB*

28 Mac 2018